



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 11 - 16 Ogos 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau memanggil umat-Mu bersaksi bahawa di dalam Kristus Engkau memulihkan manusia kepada-Mu; tolonglah kami memberitakan Injil kasih-Mu dan semua orang yang mendengarnya dipulihkan kepada-Mu, melalui Dia yang mati bagi kami dan yang telah pun bangkit dan sekarang memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin

Injil - Lukas 6:12-19

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 6:1-7



KIS 6:7 - Firman Allah

MAKIN TERSEBAR

"Tuhan, biarlah firman-Mu bertumbuh dalam diriku dan dalam komuniti kami"

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **TAHNIAH DAN SYABAS**

Tahniah diucapkan kepada mereka yang berikut atas pelantikan sebagai Pemimpin Awam (Lay-Readers) di gereja kita:


- CHI - Chung Fui Han
- ENG - Joseph Lai, Adriene Chen
- BM - Elisa Yap, Ha Chee Siong, Marysta Aspal, Mery Binti Yohanis

Marilah kita bekerjasama dengan mereka demi kesejahteraan dan pertumbuhan gereja kita.

2. **SELAMAT DATANG**

Selamat datang dan terima kasih kepada penceramah jemputan yang akan melayani kita pada hujung minggu ini: Dr. Jason Garwood (AS), Mr. Marco Sandhiputra (Jakarta) dan Mr. James Woo (KL).

- Ibadah ENG, 9:30 pg - Dr. Jason Garwood menyampaikan khotbah.
- Muda-mudi, Kampus dan Belia BM, 1:30 ptg - 'Panggilan Kristian – Menggunakan hidup saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: Pak Marco Sandhiputra (Jakarta).
- ENG & BM, 7.30 malam – 'Kesihatan Sepanjang Hayat': Dr. Jason akan berkongsi perjalanan beliau menjaga isterinya yang menghidap kanser.



Berdoa agar kita mengalami waktu pembelajaran yang bermakna.

3. **BERDOA, BERDOA, BERDOA**

Persekutuan Doa ADOS-W akan diadakan esok malam, 17 Ogos, jam 8:00 malam:

- CH - Gereja Anglikan Manggatal
- EN - Katedral All Saints
- BM - Gereja Anglikan Sulaman

4. **AHAD PENETAPAN - 23 OGOS**

- Sabtu ini, 22 Ogos – Raptai Penetapan:
CHI & ENG – 2:00 petang; BM – 3:00 petang.
Semua calon dan saksi masing-masing diminta hadir.
- Ahad depan, 23 Ogos – 40 orang akan ditetapkan.
 - 8:30 pg - Ibadah Penetapan Gabungan CHI & ENG
 - 11:30 pg - Ibadah Penetapan BM

Marilah kita mendoakan semua calon yang menerima baptisan dan penetapan. Kiranya Roh Kudus akan terus menguatkan dan

memelihara mereka sehingga kedatangan Tuhan Yesus Kristus.

5. **KEJOHANAN BOLA KERANJANG ANTARA GEREJA**

Satu kesempatan yang baik untuk berseronok dan bersekutu bersama golongan muda dari pelbagai gereja di KK. Semua perlawanan diadakan di Dewan Luyang, jam 8:40 malam. Sila rujuk papan kenyataan untuk jadual perlawanan. Semua dijemput hadir memberi sokongan!



6. **SINOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS**

Berdoalah untuk Bishop Melter agar Tuhan terus memimpin dan menguatkannya dalam memimpin diosis melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan sekitarnya. Doakan juga untuk 6 perwakilan kita.

7. **KHEMAH KANAK-KANAK ADOS-W** bertempat di CCL

Sambutan amat menggalakkan dengan lebih 250 kanak-kanak telah mendaftar! Berdoa agar Roh Kudus bekerja dalam kehidupan anak-anak ini dan memperlengkapi semua sukarelawan yang terlibat dalam penyembahan, pengajaran, dapur, keselamatan, pendaftaran dan pelbagai tugas lain. Sebagai tuan rumah, marilah kita bersama-sama menyokong dan melayani dengan sukacita.

8. **VAN GEREJA BAHARU**

Dana yang diperlukan: RM185,000. Terkumpul setakat ini: RM45,670. Kenderaan tersebut akan diserahkan kepada kita tidak lama lagi.



9. **PELAYANAN LAINNYA**

- Hari ini – **Bazar Misi**. Semua hasil jualan akan disalurkan kepada tabung kebajikan dan misi.
- 12-20 Aug - Kejohanan **Bola Keranjang Antara Gereja**.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- 20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*.
- 27 September – **Festival Kuih Bulan**, bersama sekumpulan artis dari Hong Kong. Maklumat lanjut akan menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Maureen Chin.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Ogs 17	Luk 3-4	Mz 65	Jum, Ogs 21	Luk 8	Mz 69
	Sel, Ogs 18	Luk 5	Mz 66	Sab, Ogs 22	Luk 9	Mz 70
	Rab, Ogs 19	Luk 6	Mz 67	Ahd, Ogs 23	Luk 10	Mz 71
	Kha, Ogs 20	Luk 7	Mz 68			

Kis 6:1-7 - "Kesalahfahaman" - Untuk Renungan & Perbincangan:

- Pernakah anda berasa dilayan secara tidak adil? Kongsiikan satu pengalaman. Contohnya dalam pembahagian angpau, biasiswa, harta atau beban kerja.
- Baca Kis 6. Gereja sedang berkembang, tetapi masih menghadapi masalah. Apakah masalah dalam ayat 1? Apakah perbezaan antara dua kumpulan janda tersebut? Apakah perbezaan yang kita ada di CCL dari segi bahasa, bangsa atau budaya? Apakah masalah yang mungkin timbul kerana perbezaan ini?
- Mengapa sesetengah janda terabai pada ayat 1? Adakah kerana diskriminasi, kecuaiannya atau pemimpin terlalu sibuk? Bagaimanakah para rasul menyelesaikan masalah ini, ayat 2-4?
- Apakah tugas utama para rasul, ayat 2? Apakah tugas tujuh orang yang dipilih, ayat 3? Mengapa mereka perlu bekerja bersama? Apakah hasilnya, ayat 7? Kongsiikan 3 perkara yang anda pelajari daripada kisah ini?
- "Semakin ramai orang dalam gereja, semakin banyak masalah." Adakah anda bersetuju? Patutkah kita takut menghadapi masalah? Apakah yang boleh kita lakukan apabila timbul masalah supaya gereja terus bertumbuh? Berikan beberapa cadangan praktikal.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia yang Kita Kasihi

- Berdoa agar Tuhan membangkitkan lebih ramai pemimpin politik dan masyarakat yang takut akan Tuhan, untuk membawa dunia kepada keamanan dan pendamaian.

Pemimpin Awam yang Kita Kasihi

- Berdoa agar Tuhan memperlengkapi mereka untuk memimpin jemaat dalam ibadah dan pelayanan, serta membantu kita bertumbuh sebagai murid Kristus.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita rela melayani bersama sebagai satu keluarga Gereja dan agar lebih ramai tampil untuk melayani.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.